

KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut

NO. SEBUT HARGA : JPSWPKL (SH) / BKP / 01 / 2022
TAJUK PROJEK : PERKHIDMATAN SEWAAN KANTIN UNTUK JABATAN
PENGAIRAN DAN SALIRAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA
LUMPUR (BAGI TEMPOH DUA TAHUN) - TAWARAN SEMULA

2. Pengusaha-Pengusaha yang ingin menyertai Sebut Harga ini hendaklah berdaftar dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) di bawah bidang berikut :

Kepala : 040103
Pengkhususan : Makanan Bermasak (ISLAM)

3. Segala maklumat dan dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626, Kuala Lumpur** mulai dari **22 September 2022 (Khamis)** hingga **29 September 2022 (Khamis)**.
4. Dokumen sebut harga ini hanya akan dikeluarkan kepada **PENGUSAHA** yang bertauliah dan membawa sijil pendaftaran **ASAL** yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa mengambil dokumen sebut harga serta satu Salinan Kad Pengenalan.
5. Pengusaha yang ingin memasuki sebut harga di atas boleh mendapatkan dokumen secara PERCUMA.
6. Sebut harga ini akan diberi percuma pada **22 September 2022 (Khamis)** hingga **29 September 2022 (Khamis)** sebelum jam **12.00** tengahari.
7. Hanya pengusaha yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan memenuhi kelayakan pengkhususan di atas sahaja boleh menyertai sebut harga ini.
8. Lawatan tapak **TIDAK DIWAJIBKAN**. Walaubagaimanapun pengusaha boleh melawat tapak dengan inisiatif sendiri dengan sentiasa mengambil perhatian dengan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dan penjarakan fizikal, penggunaan hand sanitizer serta pemakaian pelitup muka perlu diteruskan seperti yang telah ditetapkan oleh KKM dan MKN.
9. Sebut harga ini akan ditutup pada **29 September 2022 (Khamis)**. Dokumen sebut harga hendaklah diisikan dengan lengkap dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan dituliskan nombor sebut harga di sebelah atas kiri sampul tersebut serta dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626, Kuala Lumpur** tidak lewat dari jam **12.00** tengahari pada hari tersebut.
10. Penyebut harga boleh menghantar Dokumen sebut harga menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier menggunakan alamat seperti di atas. Jika sebut harga ini dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan seperti di atas **sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lwatnya pada pukul 12.00 tengahari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

PERHATIAN : 1. Pengusaha Hendaklah Sentiasa Mengambil Perhatian Dan Mematuhi Langkah-Langkah Pencegahan Covid-19 Dan Penjarakan Fizikal Oleh KKM Dan MKN Semasa Pembelian dan Penghantaran Dokumen Sebut Harga Ke JPSWPKL.

.....
Nama : **MOHD. AZMIN BIN HUSSIN**
Jawatan : **Pengarah**
Tarikh : **25/9/22**
Jabatan Pengairan Dan Saliran
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur